

18/04/2002

Keluarga dirayu tidak tutup kes rogol anak

PENGALAMAN menemu bual pelaku sumbang mahram yang dipenjara kerana mengadakan hubungan seks dengan ibu sendiri, beberapa tahun lalu, melahirkan tanggapan mudah iaitu tipisnya keimanan serta desakan nafsu menutup mata manusia kepada batasan perhubungan yang ditetapkan agama.

Walau apa juga alasannya, ia tidak memberi kebenaran untuk menghalalkan apa yang nyata haram. Apatah lagi, natijah daripada perlakuan sumbang itu menjurus kepada kehancuran struktur masyarakat.

Perpisahan sejak kecil atau rindukan belaian kasih sayang ibu sepatutnya diisi dengan perkara baik yang mengeratkan lagi hubungan ibu dan anak. Tetapi sebaliknya, keadaan itu dijadikan landasan untuk si ibu menggoda anak sehingga tergamak melakukan hubungan seksual dengan zuriat yang dilahirkannya sendiri.

Tanyalah pada pemikiran waras, ia tidak akan mampu memberi penjelasan mengenai perlakuan si ibu dan anak melainkan ungkapan: "Sama ada mereka dirasuk syaitan, hilang akal atau sakit jiwa."

Begitu juga sukarnya memahami bagaimana bapa dan datuk tergamak mencabuli anak sekecil lima tahun atau belum baligh yang tidak mengerti apa-apa. Biar apa juga teori atau tafsiran diberikan kepada sumbang mahram, kejadian aib itu kini seperti kudis berjangkit dan tidak dapat ditutup lagi.

Setiap hari kita dihebahkan dengan laporan terbaru mengenai penangkapan atau pembongkaran kes sumbang mahram membabitkan ketua atau ahli keluarga terdekat, yang sepatutnya melindungi anak kecil yang menjadi mangsa mereka.

Dalam membicarakan masalah sumbang mahram, ada berpendapat, undang-undang atau hukuman yang dikenakan tidak setimpal jenayah dilakukan, menyebabkan pesalah tidak takut kesan perbuatan mereka.

Sehubungan itu keputusan kerajaan meminda Seksyen 376 Kanun Keseksaan bagi mengenakan hukuman penjara mandatori 20 tahun dan maksimum 12 sebatan ke atas pelaku kes sumbang mahram diharap dapat dilaksanakan secepat mungkin.

Turut disokong ialah saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya hukuman sebat dilaksanakan di khalayak ramai sebagai pengajaran kepada semua akibat yang menanti haruan makan anak.

Ada pula mempersoalkan mengenai kurangnya pendidikan menyebabkan masyarakat terjebak dengan salah laku seks sumbang mahram.

Pendapat itu bagaimanapun, dibidas oleh kenyataan sumbang mahram turut dilakukan oleh golongan intelektual dan lebih memeranjatkan seorang imam yang dihormati sanggup menodai anaknya.

Walaupun pelbagai teori dan penjelasan dibuat mengenai jenayah sumbang mahram, ia masih tidak menjawab persoalan kenapa ia berlaku, apakah yang membuat seorang ayah tergamak merogol anak sendiri.

Dalam keadaan ini, alangkah baiknya jika kita dapat membaca apakah yang ada di fikiran pelaku sumbang mahram ketika melihat anak mereka, sebelum menjadikan si kecil mangsa pemuas nafsu.

Kita mungkin tidak sanggup mendengar pengakuan bapa yang merogol anak berkata, selepas penat membesarkan anak beliau lebih layak menikmati hasilnya sebelum orang lain.

Trauma daripada peristiwa yang menggugat rasional serta perikemanusiaan tidak dirasai mangsa dan keluarganya saja, malah dikongsi setiap kita yang mempunyai perasaan.

Persoalan yang perlu kita tanya dan jawab ialah apakah kita hanya mampu bersimpati saja atau apakah tindakan kita untuk memastikan tidak ada lagi perkara seperti ini.

Sumbang mahram bukan urusan keluarga atau aib yang perlu ditutup semata-mata menjaga maruah atau nama baik ahli keluarga.

Setiap anggota masyarakat bertanggungjawab memastikan perlakuan seks sumbang mahram dilaporkan kepada pihak berwajib. Pada masa sama bersatu hati membanteras apa juga peluang yang boleh menyebabkan berlakunya jenayah itu.

Keluarga juga perlu peka dengan apa yang berlaku di persekitaran mereka dan mengambil langkah berjaga-jaga supaya perkara yang sama tidak menimpa ahli keluarga mereka.

Rayuan turut dipanjangkan kepada ibu yang mengetahui sumbang mahram supaya jangan menjadikan anak sebagai korban hanya kerana takut hilang tempat bergantung atau ancaman lain. Ini kerana undang-undang negara memastikan pesalah menerima hukuman setimpal.

Bagi nasib mereka sekeluarga, banyak agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang bersedia menghulurkan tangan membantu. Mereka perlu berani selain yakin banyak pihak akan memberi sokongan kepada mereka.

(END)